

# IQRA'

Bil. 4/2022

APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan  
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**  
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy  
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**  
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -  
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**  
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



**Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI**  
PTAR Segamat - muka 30



**Quran Hour@PST**  
PST Shah Alam - muka 38

## PROMOSI@PTAR





Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat

**“BANGKIT BACA & BERSYUKUR”**

#malysiamembaca #ptdimembaca

**JOM BACA BERSAMA**

10 minit

21 April 2022 | 11.00 - 11.10 Pagi | Ruang Bacaan, PTDI 2

**#malysiamembaca #ptdimembaca**

**PERTANDINGAN JOM MEMBACA BERSAMA 10 MINIT @ PTDI**

21 April 2022 (KHAMIS)  
9.00 hingga 11.00 pagi  
Lokasi di PTDI 2

**HADIAH MENARIK & E-SIJIL DISEDIAKAN**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

- Pertandingan terbuka kepada semua Pelajar dan Staf UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat sahaja.
- Pelajar/staf perlu hadir ke PTDI 2 dan menggunakan bahan bacaan yang disediakan.
- Gambar dan caption yang dikemukakan bagi tujuan pertandingan ini mestilah asli dan merupakan idea peserta sendiri.
- Gambar yang dimuat naik hendaklah disertakan 1 gambar sahaja diambil di persekitaran PTDI 2. Tidak boleh mengandungi sebarang elemen atau unsur-unsur negatif dan menyalahi undang-undang.
- E-sijil penyertaan akan disediakan.
- Borang penyertaan: <http://qr.library.utm.edu.my/2w2>

Hadir ke PTDI 2 dan serikan kod QR masuk

Milih bahan yang hendak dibaca

Amil gambar menarik / kreatif daripada bahan yang dipilih

Hi maklumat lanjut penyertaan di Competition yang disediakan

Pada 21 April 2022, telah berlangsungnya satu program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PTDI di Perpustakaan Tun Dr. Ismail 2. Program ini telah diadakan secara serentak diseluruh negara dari jam 11.00 hingga 11.10 pagi dengan bertemakan “Bangkit Baca dan Bersyukur”. Acara perasmian telah diadakan secara tayangan lintas langsung dari Facebook Perpustakaan Negara Malaysia. Turut serta semasa program berlangsung adalah staf Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Pensyarah Kanan Encik Nor Ezan bin Omar dan juga para pelajar semester satu daripada Fakulti Pengurusan Maklumat seramai 33 orang.

Bagi memeriahkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PTDI, satu pertandingan turut diadakan, dimana para pelajar diminta membuat sedikit ulasan bahan yang telah dibaca dan memuat naik gambar kreatif yang diambil di persekitaran PTDI 2. 3 pemenang akan dipilih dan setiap penyertaan akan diberikan e-sijil.

Pihak PTDI merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UiTM Cawangan Johor yang turut serta dalam Program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PTDI. Diharapkan program dan amalan murni ‘Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit’ dapat diteruskan dan menjadi penanda aras masyarakat proaktif dan berilmu.

